

<b>Headline</b>	<b>Persetujuan empat negeri diperlukan sebelum isytihar tapak warisan dunia</b>		
<b>MediaTitle</b>	<b>New Sabah Times Bahasa (KK)</b>		
<b>Date</b>	<b>10 Oct 2018</b>	<b>Color</b>	<b>Black/white</b>
<b>Section</b>	<b>Semasa</b>	<b>Circulation</b>	<b>8,784</b>
<b>Page No</b>	<b>4</b>	<b>Readership</b>	<b>26,352</b>
<b>Language</b>	<b>Malay</b>	<b>ArticleSize</b>	<b>163 cm<sup>2</sup></b>
<b>Journalist</b>	<b>N/A</b>	<b>AdValue</b>	<b>RM 361</b>
<b>Frequency</b>	<b>Daily (EM)</b>	<b>PR Value</b>	<b>RM 1,083</b>



## **Persetujuan empat negeri diperlukan sebelum isytihar tapak warisan dunia**

**GEORGE TOWN:** Kementerian Pelancongan, Kesenian dan Kebudayaan sedang berusaha mendapatkan persetujuan daripada beberapa kerajaan negeri sebelum empat lagi tapak warisan di Malaysia boleh diiktiraf oleh Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO) sebagai tapak warisan dunia.

Timbalan menteriinya, Muhammad Bakhtiar Wan Chik berkata empat tapak berkenaan ialah Taman Negara, Royal Belum di Gerik, Perak, Permatang Kuarza di Gombak, Selangor, dan

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

Menurut beliau, keempat-empat tapak warisan ini telah dimasukkan ke dalam senarai tidak rasmi UNESCO sementara menunggu persetujuan daripada kerajaan negeri yang berkenaan.

"Setakat ini kami berdepan beberapa cabaran untuk mendapatkan persetujuan daripada kerajaan Pahang, Kelantan dan Terengganu bagi tapak Taman Negara sejak 10 tahun lepas, tetapi bagi tiga tapak lagi, tiada sebarang

masalah.

"Saya harap ketiga-tiga negeri ini dapat memberi persetujuan segera supaya kami dapat memanjangkannya kepada UNESCO," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Arkeologi Kebangsaan di sini kelmarin.

Muhammad Bakhtiar berkata ia bertujuan untuk mengisytiharkan tapak berkenaan, yang mempunyai nilai sejarah dan warisan, sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO, daam usaha melindungi biokepelbagaiannya serta keunikannya.

Menurutnya kementerian menerusi Jabatan

Warisan Negara turut berganding bahu bersama agensi dan universiti dengan mengadakan penyelidikan untuk mengenal pasti kawasan yang boleh dijadikan tapak warisan negara sebelum dikemukakan kepada UNESCO dan diisyiharkan sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Pada masa ini, empat tapak di Malaysia diiktiraf oleh UNESCO sebagai Tapak Warisan Dunia termasuk George Town/Melaka, Lembah Lenggong, Taman Kinabalu dan Gunung Mulu di Sarawak.-Bernama